

**SENI DRAMA ISLAMIK: CIRI KEPENGARAHAN
MIOR HASHIM MANAP**

Wawarah Saidpudin¹

E-JITU

Acceptance date:
15 December 2019

Valuation date:
15th Jan 2020

Publication date:
6th May 2020

ABSTRAK

Drama televisyen adalah antara medium yang boleh digunakan oleh pengarah untuk menyampaikan dakwah kepada penonton kerana sifatnya yang mampu mencapai skala penonton yang luas dan boleh membentuk pemikiran penonton agar kembali kepada kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Namun, untuk mencapai matlamat dakwah tersebut, kaedah penyampaiannya perlu diselarikan dengan syariah yang ditetapkan Allah. Sekiranya kandungan dan persembahan drama tersebut bertentangan dengan syariah Islam, ia boleh mengakibatkan kekeliruan kepada penonton baik umat Islam atau bukan Islam. Maka, kajian ini bertujuan untuk merungkai ciri pengarah drama Islamik oleh pengarah prolific, Mior Hashim Manap yang pernah mengarah drama Islamik yang disiarkan di TV Al-Hijrah. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan tiga buah drama Islamik yang bertajuk Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta dan Cinta dan Wahyu dan temubual mendalam bersama pengarah serta krew yang pernah bekerja bersama beliau. Hasil kajian mendapati pengarah adalah individu yang paling penting untuk membentuk dan menentukan hala tuju drama Islamik arahnya. Secara keseluruhannya, penting untuk seseorang pengarah drama Islamik memerlukan pola fikir yang Islamik dan perlu meletakkan niat utama pengarahannya adalah kerana Allah SWT yang berlandaskan syariat Islam.

Kata kunci: Drama Islamik, pengarah Islamik, penerbitan drama, seni pengarah, ciri pengarah

¹ Ketua Unit Penyelidikan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), wawarah@kuis.edu.my.

PENDAHULUAN

Drama adalah salah satu bentuk hiburan kepada masyarakat dalam berkongsi realiti dan fantasi antara kandungan drama dan kehidupan sebenar manusia. Secara tidak langsung, ia memberikan pengaruh yang besar dalam pengamalan hidup seharian masyarakat sehingga menjadikan setiap bait dialog yang dilontarkan oleh pelakon adalah terjemahan kepada perbualan seharian masyarakat. Selain itu, budaya, pemakaian, prinsip, jalan cerita turut menjadi aspek penting yang mempengaruhi kehidupan harian peminat drama televisyen sama ada positif mahupun negatif. Namun dalam meneliti drama yang disiarkan di kaca televisyen, Rosmawati dan Md. Rozalafri (2011) menjelaskan kemerosotan nilai yang berlaku dalam masyarakat Melayu hari ini telah menghilangkan rasa sensitiviti mengenai isu-isu agama dan moral tanpa timbul rasa bersalah terhadap agama Islam. Akhirnya hasil produk yang dikeluarkan oleh media orang Islam tidak ada bezanya dengan produk orang bukan Islam (Zulkiple 2003).

Atas fenomena ini, muncul drama berkonsepkan Islamik untuk mendidik manusia kembali kepada jalan yang benar dan menyampaikan dakwah untuk kesan positif pada penonton. Hal ini kerana kandungan drama Islamik berorientasikan keindahan Islam, ketauhidan kepada Allah SWT, keimanan kepada agama Islam, kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dan sebagainya. Untuk berdakwah, kaedahnya itu juga harus menepati hukum hakam Islam dan secara tidak langsung perkara penting yang perlu diperhalusi dalam pembikinan drama yang berbentuk islamik adalah kandungannya perlu mematuhi syariah baik dari segi lakonan, dialog yang dituturkan, mesej yang disampaikan, perwatakan, penampilan pelakon dan sebagainya.

Dusuki Ahmad (2011) menjelaskan lagi, dalam sejarah Islam, karya seni dan sastera seperti syair, prosa, puisi, cerita, epik dan lain-lain digunakan sebagai medium untuk menyampaikan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Arab yang ketika itu amat mengagumi seni dan sastera. Ini merupakan sebahagian gaya hikmah dalam berdakwah kerana mereka mengetahui memanfaatkan kecenderungan masyarakat ketika itu. Demikian itu, pada ketika ini seharusnya, drama adalah antara cara berhikmah daripada pengarah dan penulis skrip Islam yang ingin meneruskan legasi Rasulullah S.A.W sebagai pendakwah untuk menyampaikan ilmu Islam kepada sasaran penonton drama tersebut.

Namun, dalam keterujaan penerbit tempatan menerbitkan drama dan pengarah yang mengarah drama yang bertemakan Islam ini, terdapat beberapa perkara yang sering menjadi isu perdebatan dalam kalangan agamawan dan pengarah drama tersebut (Zulkiple 2012). Terdapat beberapa drama yang memasukkan elemen dakwah Islam dengan menggunakan latar keadaan Islam namun tidak mematuhi syariah Islam yang sebenar dengan menunjukkan

beberapa adegan yang mampu melirukan penonton dengan menunjukkan babak solat, kemanusiaan, mesej yang baik, doa, tetapi dalam masa yang sama masih ada adegan bersekedudukan, seks bebas, arak, kelab malam dan aurat wanita yang didedahkan dalam karya yang bertemakan Islam tersebut (Rosmawati et al. 2011).

Bertitik tolak daripada permasalahan di atas, dapat dilihat terdapat beberapa penggiat drama yang berminat untuk menyampaikan mesej dakwah tetapi kerana perspektif pengarah dalam keadaan yang seadanya seperti pengetahuan agama secara asas (Asiah dan Nur Kareelawati 2011) dan tidak mendalam, menjadikan mesej drama tersebut tidak selari dengan hukum Islam yang sebenar. Matlamat tidak menghalalkan cara dan sekalipun niat pengarah adalah untuk berdakwah, pengarah perlu sedar dasar utama untuk berdakwah haruslah disandarkan dengan kaedah yang baik, benar dan diredhai Allah.

Selain itu, pengarah juga adalah antara individu penting untuk memastikan hala tuju sesebuah drama yang mengangkat tema Islam itu menepati hukum agama Islam itu sendiri. Merujuk kepada kajian Siti Rugayah (2000) pengarah perlu mendalami syariat Islam terlebih dahulu agar mesej yang disampaikan itu bertepatan dengan kehendak Islam dan untuk mengatasi masalah tersebut, pengarah boleh bekerjasama dengan agamawan sebagai fungsi memberi nasihat dan idea tentang ilmu Islam yang sebenar dan seterusnya menyemak skrip serta memperbetulkan lakonan dan sebutan perkataan yang berkaitan dengan ayat al-Quran dan hadis.

Melalui permasalahan yang diutarakan dan kenyataan daripada sarjana dapat disimpulkan pengarah adalah individu penting dan pengetahuan pengarah terhadap ilmu agama dan teknikal drama boleh memberikan kesan kepada drama arahnya sama ada menepati hukum Islam atau sebaliknya. Maka kajian ini bertujuan untuk merungkai ciri kepengarahan Mior Hashim Manap yang juga seorang pengarah drama Islamik.

DRAMA ISLAMIK PATUH SYARIAH

Drama Islamik adalah instrumen dakwah untuk membina insan yang soleh dengan memaparkan mesej penceritaan dari segi nilai yang baik yang tercakup di dalamnya unsur-unsur *al-bir* (kebajikan) dan *at-Taqwa* (Aminudin et al. 2009). Ianya bertujuan untuk menyebarkan mesej dakwah mengenai didikan dan nilai Islam yang indah. Apabila tujuannya ingin menyampaikan dakwah ia perlu disampaikan dengan cara yang benar dan mematuhi syariah Islam kerana dakwah bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kemungkaran.

Kepatuhan terhadap syariah bermakna patuh dan taat kepada hukum-hakam Allah SWT baik berupa ibadah (solat, zakat, haji dan lain-lain) atau

muamalah yang menggerakkan kehidupan manusia (jual-beli, nikah dan lain-lain), akhlak, hukum, akidah dan amal (Al-Qaradhawi 2006). Syariah Islam ialah teras pengabdian kepada Allah, dibina di atas akidah yang benar kepada Allah dan juga panduan dalam menentukan langkah hidup seorang Muslimin (Muhammad 'Ali 2011). Syariah Islam diturunkan oleh Allah melalui Al-Quran yang menyentuh seluruh dimensi kehidupan baik yang terkait dengan kerohanian, intelektual, material (Al-Khatib 2005) untuk memberikan kebaikan dan kemaslahatan kepada manusia di dunia dan akhirat.

Tujuan drama Islamik yang mematuhi syariah ini bagi melindungi etika Islam dan adab melalui keseluruhan proses penghasilan drama dari mana-mana pencemaran terhadap tujuan sebenar mesej dakwah tersebut. Allah SWT telah menjadikan syariah ini terbina berdasarkan hikmah-hikmah dan justifikasi yang tercapai oleh akal manusia dan tidak berbeza oleh kerana perbezaan bangsa dan adat (Jasser Auda 2014). Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kesudahannya Kami jadikan Engkau (Wahai Muhammad dan utuskan engkau) menjalankan satu syariat (yang cukup lengkap) dari hukum-hukum agama; maka turutlah syariat itu, dan janganlah Engkau menurut hawa nafsu orang-orang Yang tidak mengetahui (perkara Yang benar).”

(al-Jathiyah 45:18)

Maka, drama Islamik yang mematuhi syariah ini perlu menepati maqasid syariah seperti yang dijelaskan oleh al-'Alim (1991) yang terbahagi kepada lima prinsip iaitu memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Sebagai contoh sebarang mesej yang memburukkan agama Islam perlu dielakkan di dalam skrip ataupun visual untuk memelihara agama. Manakala, babak seperti berusaha menjaga kesihatan diri, tidak memudaratkan diri dengan perkara yang tidak baik seperti dadah dan lain-lain dapat menepati prinsip memelihara nyawa tersebut.

Seterusnya babak seperti zina, menaikkan syahwat dan pergaulan antara ajnabi yang tidak terbatas perlu dielakkan bagi menepati maqasid syariah yang merujuk kepada memelihara keturunan. Bagi memelihara akal, drama boleh menerapkan nilai membaca al-Quran, berzikir, kebesaran Allah seperti keindahan laut, kecanggihan teknologi dan sebagainya agar penonton dihidangkan dengan perkara yang mengingatkan kepada kekuasaan Allah dan bukan perkara yang merosakkan atau melalaikan. Akhir sekali memelihara harta sebagai contoh drama boleh menerapkan unsur-unsur tidak membazir dan pandai menguruskan harta berbanding dengan menggunakan wang ke jalan yang tidak diredhai Allah.

PENGETAHUAN TEKNIKAL PENGARAH

Menurut Sarris (2004) pengetahuan teknikal adalah nilai kriteria yang perlu diambil kira sebagai seorang pengarah. Kebolehan seseorang pengarah untuk mengurus dan mengimplementasi sesebuah bayangan visual adalah melalui pengetahuan teknikalnya. Jika seseorang pengarah itu mempunyai pengetahuan teknikal yang bagus seperti menguasai teknik dan kaedah kepengarahan, maka dia boleh dinilai sebagai seorang pengarah. Ini bermaksud pengarah tersebut tidak hanya bergantung harap kepada krew teknikal dalam menyampaikan bayangan visual yang dikehendaknya namun mengetahui apa yang perlu ada untuk merealisasikan sesebuah visual tersebut.

Pengetahuan teknikal tersebut adalah berdasarkan kepada teknik penerbitan dan ciri-ciri kepengarahan yang digunakan oleh pengarah di dalam karyanya. Ia juga membuktikan bahawa pengarah mengetahui apakah peranti visual yang dapat digunakan bagi mempunyai kesan untuk menarik penonton (Wood & Brown 2012) dan menjadi sumbangan kepada reputasi dan keunikan pengarah tersebut (Muehlenbruch 2014). Demirbas (2008) menambah bahawa pengetahuan teknikal adalah kebolehan pengarah untuk memahami bahasa filem. Pengarah yang mempunyai pengetahuan teknikal ini juga secara tidak langsung dapat mensimulasikan emosi dalaman watak dengan cara teknikal dan filem yang sebenar (Flynn 2004).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua kaedah iaitu analisis kandungan kualitatif dan temubual mendalam. Video adalah sumber dokumen yang boleh digunakan untuk analisis kandungan kualitatif (Bogdan & Biklen 1998) dan Othman (2012) menjelaskan kini analisis kandungan kualitatif banyak digunakan dalam media komunikasi (surat khabar, filem, televisyen). Tiga buah drama yang dianalisis dalam kajian ini adalah *Cinta Kun Fayakun*, *Warkah Cinta*, dan *Cinta dan Wahyu*.

Manakala temu bual bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam kreativiti yang digunakan oleh Mior Hashim Manap sebagai seorang pengarah bagi menghasilkan drama Islamik melalui pemaparan watak dan babak yang dilakukan. Selain daripada Mior Hashim Manap, pengkaji juga menemu bual beberapa krew yang terlibat dalam drama-drama ini seperti Pereka Seni, Penolong Pengarah dan Pelakon sebagai sokongan dan maklumat tambahan untuk saling menguatkan data yang diperolehi daripada analisis kandungan drama dan temu bual mendalam bersama Mior Hashim Manap.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian menemui bahawa Mior Hashim Manap adalah seorang yang berpengalaman dalam industri seni ini selama 40 tahun dan pengalamannya sebagai anak seni tidak dapat disangkal lagi kerana beliau pernah terlibat dalam seni teater, drama, dan juga filem sebagai pelakon, penolong pengarah, penyunting dan juga pengarah.

Ciri Kepengarahan Mior Hashim Manap

Bagi kajian ini, hasil kajian mendapati Mior mempunyai pengetahuan teknikal dan juga kreativiti untuk menguruskan teknik penerbitan berasaskan kepada ciri kepengarahan beliau yang tersendiri. Berdasarkan kepada temu bual bersama dengan Mior dan mereka yang pernah bekerja dengan beliau, senarai ciri kepengarahan utama Mior adalah pengarah yang berdisiplin, pengarah yang teliti, pengarah yang memimpin dan pengarah yang berpengetahuan dan ia turut memberi kesan kepada pengetahuan teknikal dan kreativitinya sebagai seorang pengarah seperti hasil kajian daripada analisis kandungan dramanya.

Hasil kajian mendapati, ciri kepengarahan utama Mior adalah disiplin yang diterapkan dalam dirinya bermula daripada pemilihan skrip hinggalah drama tersebut di layar televisyen. Disiplin itu juga Mior juga membuatkan dia tegas dalam mengawal kandungan skrip dalam drama dan juga teknik penerbitan termasuklah dari segi latar drama, set penggambaran, teknik penggambaran, busana dan solekan, bunyi dan lakonan watak yang digunakan dalam drama ini agar menyampaikan dakwah dan seterusnya mempunyai ciri-ciri mematuhi syariah Islam.

“Satu perkataan je saya boleh describe En Mior ni adalah disiplin. Saya ingat lagi dia pernah cakap kalau kerja awak tak sebagus mana, disiplin awak kena jaga.”

(Yu Chee Boon, Temu bual, 3 Disember 2014)

“Seorang yang sangat tegas dan sangat teliti ketika mengarah. Beliau sudah merancang setiap syot yang ingin dilakukan.”

(Mardiana Alwi, Temu bual melalui e-mel 11 Disember 2014)

“Kerana itu, kalau saya buat cerita ini saya rujuk ustaz-ustaz bila berlaku keadaan yang tidak mengizinkan dalam patuh syariah. Contohnya tutup aurat, dalam peringkat ini ustaz akan jelaskan ini hukumnya, kalau hukum ini tidak dapat penuhi ambil dalil kedua, kalau hukum ini tidak dapat, ambil dalil yang lemah, tapi tidak galakkan.”

(Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014)

Ketelitian Mior dalam arahnya pula adalah tertumpu kepada syot yang digunakan, lakonan yang dimainkan oleh watak dan juga setiap babak yang ada. Misalnya, Mior sudah merancang dan melakar syot yang akan digunakan untuk penggambaran babak tersebut. Selain itu, ketelitian Mior terhadap setiap babak yang diarah tersebut membuatkan set penggambarannya mempunyai makna yang tersirat dan juga dakwah disampingnya. Manakala ketelitian dari segi aspek lakonan adalah bagaimana Mior inginkan lakonan itu berjaya membawa watak tanpa ada unsur kepura-puraan dan ianya bersifat semula jadi terutama yang melibatkan akhlak sebagai seorang muslim Mior berjaya mensimulasikan emosi dalaman watak dengan cara teknikal dan drama yang sebenar. Ketelitian ini juga menjadikan hasil drama Islamik arahan beliau mempunyai ciri-ciri mematuhi syariah dan menyampaikan dakwah. Sifat ketelitian ini adalah sumbangan kepada keunikan dan reputasi yang ada pada Mior.

“Setiap kali projek dia akan mulakan dengan membuat kajian dulu. Macam Warkah Cinta ni bermula daripada novel, kemudian dia berjumpa dengan penulis skripnya, dia mengkaji busananya. Jadi dia ni seorang yang teliti juga semasa penggambaran. Macam saya sebagai konti dan penolong pengarah dia akan lukis syot apa yang dia nak.”

(Aisyah Razi, Temu bual, 10 Disember 2014)

Mior juga adalah seorang pengarah yang berpengetahuan di mana dia mengetahui pemilihan jenis dan saiz syot yang dipilih dan seterusnya menyumbang kepada kontinuiti untuk suntungan nanti. Selain itu, Mior juga tahu untuk memanfaatkan teknikal penggambaran melalui pergerakan kamera dan juga pencahayaan di dalam drama ini. Pengalamannya di dalam bidang teater menjadikan Mior mahir untuk mengawal komposisi pelakon dan props dalam frame dan menyusun *blocking* pelakon.

“Apa yang saya lihat, Abang Mior mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi dari sudut "editing". Kepakaran inilah yang membantu menjimatkan masa penggambaran kerana beliau sudah tahu apa yang perlu dilakukan.”

(Mardiana Alwi, Temu bual melalui emel, 11 Disember 2014)

“Mior pandai bermain blocking pelakon. Sebab dia berasal dari teater, jadi dia cuba adaptasi blocking pelakon tu kepada media.”

(Yu Chee Boon, Temu bual, 3 Disember 2014)

Memandangkan drama ini adalah adaptasi daripada novel, Mior tidak mengikut skripnya 100% seperti mana di dalam novel, tetapi dengan pengetahuannya yang dimiliki dalam penghasilan drama dan kemampuannya memahami bahasa drama. Beliau berunding dengan penulis skrip tersebut untuk

mengubah skrip mengikut kesesuaian teknikal drama dan juga isu-isu semasa. Pengetahuan Mior terhadap kreativiti sebagai seorang pengarah juga terserlah apabila beliau mampu mengolah skrip drama-drama tersebut terutama yang melibatkan babak negatif dan beberapa babak lain dan disampaikan secara visual dan turut mematuhi syariah Islam dan turut berjaya menyampaikan mesej yang melibatkan dakwah Islam kepada penonton.

“Cuma beberapa tempat yang saya buat kesesuaian. Novel ini bila dibaca memang menarik cuma nanti penonton akan tertanya apa itu, apa ini. Contohnya dalam novel, ayahnya itu, bukan seorang tauke pun, tetapi disini kelemahan skrip tidak diberitahu apa pendapatan keluarganya. Saya cadangkan kepada penulis jadikan bapa dia ni ada kilang batik dan industry kecil yang diuruskan oleh isteri dan bapanya suka main judi bila kalah jumpa isteri. Isterinya menyimpan duit untuk anaknya sambung belajar, dan bapanya tahu bapanya curi.”

(Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014)

Selain itu, menjadi pengarah untuk drama Islamik adalah satu tanggungjawab yang besar untuk Mior memimpin krew dan pelakon yang terlibat agar menghasilkan drama yang mematuhi syariah Islam. Rata-ratanya adalah mereka yang bukan berlatarbelakangkan agama yang alim. Maka, Mior mengambil pendekatan untuk menjelaskan kepada krew dan pelakon untuk mematuhi syariah Islam dalam penerbitan drama ini dan juga menjelaskan apakah kehendak konsep yang ingin ditumpukan oleh Mior dalam drama-drama ini sebagai cara untuk memimpin mereka dalam menentukan hala tuju drama ini dan ia diperkuatkan dengan persembahan busana yang menutup aurat dan solekan yang tidak berlebihan yang diperolehi melalui analisis kandungan. Selain itu, bagi pelakon Mior memberikan kebebasan untuk mereka menjayakan watak, tetapi jika ada kesilapan, Mior akan menegur mereka dengan cara yang hormat.

“Saya mulakan dengan memberi penjelasan perkara begini dan Alhamdulillah pelakon saya menyedari hal ini cuma dengan production lain mereka tidak ditekankan dengan perkara patuh syariah dan hukum hakam ini. Saya bukan sahaja tak mahu sentuhan dalam dan luar lakonan. Saya dah jelaskan tidak ada sentuhan sekalipun kamu marah pada dia dan mereka pun memahami”

(Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014)

“Beliau memberi kebebasan mengikut kefahaman dan interpretasi. Akan tetapi beliau akan pantau dan menegur dengan hormat jika penyampaian dialog itu kedengaran seperti tidak sampai makna yang sepatutnya.”

(Mardiana Alwi, Temu bual melalui emel, 11 Disember 2014)

Seni Drama Islamik

Maka, melalui analisis kandungan bagi tiga drama Islamik dalam kajian ini, pengkaji dapat menyenaraikan beberapa unsur dakwah dan ciri-ciri patuh syariah yang dapat diseimbangkan dengan seni dan teknikal pengarahannya untuk dijadikan rujukan bagi menghasilkan drama Islamik seperti berikut:

- a) Lokasi yang menunjukkan kekuasaan Allah.
- b) Set penggambaran yang berunsurkan Islam dan dakwah (termasuklah props dan watak yang dimainkan oleh pelakon).
- c) Busana lelaki dan wanita yang menutup aurat.
- d) Solekan yang tidak berlebihan (*natural*).
- e) Bunyi yang berunsurkan dialog nasihat yang diperolehi melalui ayat al-Quran.
- f) Bunyi yang berunsurkan dialog nasihat yang diperolehi melalui hadis-hadis Nabi.
- g) Bunyi yang berunsurkan keindahan bacaan ayat al-Quran dari agamawan.
- h) Latar belakang muzik yang memuji Allah, Zikrullah, nasyid.
- i) Skrip yang berlatarkan mengutamakan cinta Allah daripada cinta manusia.
- j) Skrip yang berlatarkan memohon pertolongan daripada Allah SWT dengan berdoa dan beribadat.
- k) Skrip yang berlatarkan menggalakkan aktiviti solat berjemaah dan memakmurkan masjid.
- l) Skrip yang berlatarkan mengeratkan silaturahim antara saudara muslim.



Lokasi yang menunjukkan kekuasaan Allah. (Drama Warkah Cinta)



Set penggambaran yang berunsurkan Islam dan dakwah (Drama Cinta dan Wahyu)



Bunyi yang berunsurkan keindahan bacaan ayat al-Quran dari agamawan(Drama Cinta dan Wahyu)



Skrip yang berlatarkan memohon pertolongan daripada Allah SWT dengan berdoa dan beribadat.(Drama Warkah Cinta)



Skrip yang berlatarkan mengeratkan silaturahmi antara saudara muslim .(Drama Warkah Cinta)

Hasil analisis terhadap drama kajian ini juga menemui ciri-ciri patuh syariah yang boleh diaplikasikan untuk menghasilkan drama Islamik iaitu:

- a) Batasan hubungan antara watak pelakon lelaki dan pelakon wanita bukan mahram yang digambarkan mempunyai hubungan keluarga dalam drama mengikut syariat Islam (pemeliharaan aurat/tiada sentuhan).
- b) Batasan hubungan antara pelakon lelaki dan wanita yang membawa watak ajnabi dalam drama mengikut syariat Islam (pemeliharaan aurat/tiada sentuhan).
- c) Babak negatif yang perlu disampaikan mesejnya tetapi dikawal melalui maqasid syariah iaitu melalui memelihara agama, nyawa, harta, akal dan keturunan yang hasilnya adalah mematuhi syariah Islam.



Batasan hubungan antara pelakon lelaki dan wanita yang membawa watak ajnabi dalam drama (Drama Cinta Kun Fayakun)



Batasan hubungan antara watak pelakon lelaki dan pelakon wanita bukan mahram yang digambarkan mempunyai hubungan keluarga (Drama Cinta dan Wahyu)



Babak negatif (berdua-duaan) yang perlu disampaikan mesejnya tetapi dikawal melalui maqasid syariah (Drama Cinta dan Wahyu)

PERBINCANGAN

Drama Islamik adalah bertujuan untuk menyampaikan dakwah mengenai kebenaran dan keindahan Islam dan mengangkat tema Islam di dalamnya. Maka, untuk menghasilkan satu produk drama Islamik yang berbeza daripada produk-produk luar sana, Mior berusaha untuk memastikan ketiga-tiga drama ini mematuhi syariah Islam kerana dakwah itu seharusnya bersifat menyelamatkan manusia daripada perkara yang dimungkari Allah dan bukan menjerumuskan lagi mereka kepada perkara yang mendatangkan kecelakaan dan dosa.

Untuk mengarah drama Islamik pengarah drama ini turut memaklumkan niat utama pembikinan drama tersebut adalah kerana Allah SWT. Selain itu, perlu ada perubahan pola pemikiran kepada pengarah agar jangan takut dengan istilah patuh syariah seperti mana prinsip Mior Hashim Manap kerana percaya ia adalah kewajipan yang perlu dipatuhi oleh umat Islam kerana bersandarkan kepada al-Quran dan as-Sunnah serta bertujuan untuk menyelamatkan manusia di dunia dan akhirat baik di dalam lakonan atau di luar lakonan.

Pengarah drama Islamik juga perlu memastikan drama arahnya mempunyai unsur dakwah dan mematuhi syariah Islam dan itulah yang membezakan produk drama Islamik tersebut dengan produk drama yang sedia ada di luar sana. Ia boleh dicapai dengan mempercayai bahawa keredaan Allah adalah yang utama dalam menjalani kehidupan ini dan meletakkan hukum agama Islam yang telah ditetapkan oleh Allah sebagai dasar dalam setiap keputusan yang ingin diambil untuk mengarah drama Islamik ini.

Keputusan yang ingin dibuat mengenai hukum hakam juga bukanlah satu perkara yang boleh dipandang enteng kerana ia melibatkan dosa dan pahala, penilaian di akhirat nanti. Maka, pengarah perlu bekerjasama dengan ahli agamawan untuk memastikan produk drama mereka menyampaikan kebenaran Islam dengan benar dan bukan mendustakan kebenaran Islam. Sikap terbuka daripada Mior Hashim Manap sebagai pengarah drama Islamik yang menyedari tentang kekurangan diri dan juga sikap terbuka pendakwah yang menggunakan drama sebagai medium dakwah adalah perkara yang perlu diraikan kerana tugas dakwah itu adalah tanggungjawab semua umat Islam.

Selain itu, pengarah drama Islamik juga harus kuat dalam menghadapi cabaran daripada masyarakat dan institusi yang cuba untuk menjatuhkan ijtihad Islam kerana kebiasaan mereka dengan ideologi Barat. Andaian seperti populariti, kecantikan, paras rupa untuk menarik penonton menonton drama tidak akan berubah, selagi mana, pengarah sendiri tidak merubah pemikiran mereka sendiri kerana yang paling penting adalah keindahan Islam dan dakwah terhadap agama Islam yang menjadi perkara utama dalam setiap penyampaian drama Islamik itu.

Apabila pengarah sendiri berani keluar daripada kotak pemikiran yang inginkan keuntungan duniawi semata-mata, secara tidak langsung pengarah pun dapat membantu industri seni ini untuk berhijrah ke arah yang direndhai Allah. Sebenarnya untuk kajian ini bukan sahaja bertujuan untuk menarik pengarah drama Islamik tetapi juga bertujuan untuk menarik perhatian pengarah yang beragama Islam agar bersama-sama melakukan satu perubahan agar industri seni Malaysia bukan sahaja mempunyai kelainan tetapi mendapat keredaan Allah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian mendapati untuk menghasilkan drama Islamik, perlu adanya penyampaian dakwah, dan untuk mencapai matlamat dakwah, kaedah tersebut perlu dipastikan dengan cara yang benar iaitu dengan mematuhi syariah Islam. Secara tidak langsung, pengarah juga adalah individu yang paling penting untuk membentuk dan menentukan hala tuju drama Islamik arahnya. Sehubungan dengan itu pengarah memerlukan pola fikir yang Islamik dan perlu meletakkan niat utamanya adalah kerana Allah SWT kerana secara tidak langsung drama yang dihasilkan dan dipersembahkan dalam layar televisyen itu sebenarnya mewakili gambaran kepada pemikiran dan peribadi seseorang pengarah tersebut.

Secara keseluruhannya, cadangan kepada seluruh pengamal media bermula dari stesen, penerbit, pengarah, krew drama dan setara dengannya, mulakanlah langkah untuk bersama-sama kembali kepada cara hidup Islam yang sebenar iaitu yang berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Syariah yang ditetapkan Allah tidak lain hanyalah bertujuan untuk menjaga kemaslahatan dan kesejahteraan kita sebagai, hamba-Nya dan ia mencakupi semua realiti kehidupan baik dalam drama mahupun luar drama kerana apa sahaja perlakuan dan arahan kita di dunia ini akan ditimbang untuk dinilai bagi menentukan kedudukan kita di alam yang kekal nanti.

RUJUKAN

Al-Quran

- Al-Qaradhawi, Yusuf. (2006). *Fiqh Maqasid Syariah : Moderasi Islam antara Aliran Tekstual dan Aliran Liberal*. Terj. H. Arif Munandar Riswanto. Jakarta:Pustaka Al-Kautsar.
- Al Khatib, Abdul Karim. (2005). *Ijtihad:Menggerakkan Potensi dinamik Hukum Islam*. Terj. Ach. Maimun Syamsuddin & Abdul Wahid Hasan. Jakarta:Gaya Media Pratama.
- Al-'Alim, Yusuf Hamid. (1991). *Al-Maqasid Al-'Ammah Li Al-Syari'ah Al-Islamiyyah*. Pensyariatan syariah Islamiah untuk menjaga kemaslahatan umum. Virginia USA: International Institute of Islamic Thought.

- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa. (2009). Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 1(2): 65-82.
- Asiah Sarji & Nur Kareelawati Abd. Karim. (2011). Kajian filem arahan pengarah muda sebagai saluran dakwah di Malaysia. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle(pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm. 175-194. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (1998). *Qualitative Research for Education : An Introduction to Theory and Methods*. Boston :Allyn &Bacon.
- Demirbas, Y. (2008). Video games and auteur theory. *International Design And Cinema Conference, Design Cinema*. Istanbul Technical University, Faculty of Architecture, Istanbul. 19 – 22 November.
- Dusuki Ahmad. (2011). Menerapkan nilai agama dan keprihatinan umat dalam filem dan drama. Dlm. Nor Hartini Saari (pnyt). *Pemeriksaan Televisyen dalam Mendidik Masyarakat*, hlm. 69-80. Kuala Lumpur : IKIM.
- Jasser Auda. (2014). *Mudahnya Maqasid Syariah*. Terj. Marwan Bukhari. PTS Islamika Sdn Bhd: Batu Caves.
- Flynn, J. (2004). *Making 10 Months: An Application of the Auteur Theory of Filmmaking*. Tesis Kedoktoran. School of Interdisciplinary Studies, Miami University.
- https://etd.ohiolink.edu/ap/10?0::NO:10:P10_ACCESSION_NUM:muhonors1110914891 [10 MEI 2014]
- Muehlenbruch, A. M. (2014). *Dominant gazes: theatre of the absurd, auteurism, and mise-en-scene in Jerzy Grotowski's Akropolis and Stanley Kubrick's Dr. Strangelove*. Tesis Kedoktoran, Faculty of the Department of Theatre Arts. California State University, Sacramento. [handle/10211.3/122255/AnnMarieMuehlenbruch_FULL%20THESIS-Final.pdf?sequence=2](https://hdl.handle.net/10211.3/122255/AnnMarieMuehlenbruch_FULL%20THESIS-Final.pdf?sequence=2) [12 September 2014]
- Muhammad 'Ali Hasyimi. (2011). *Syakhshiyatul Muslim:Membentuk Peribadi Muslim Ideal Menurut Al-Quran dan As-Sunah*. Terj. Gozali J. Sudirjo & Asep Sobari. Jakarta:Al-I'thishom.
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rosmawati Mohamad Rasit & Md. Rozalafri Johori. (2011). Analisis penerapan dakwah di dalam filem semerah padi. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle (pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*.hlm.195-206. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Mohd Salleh Hassan, Mohd Nizam Osman & Muhamad Sham Shahkat Ali. (2011). Film as a medium of communication for da'wah: Analysis of religious elements in selected malay films. *Islamiyyat*, 33: 67 – 76.

- Sarris, A. (2004). Notes on the Auteur Theory in 1962. Dlm. Simpson, P. Utterson, A. & Shepherdson, K.J. (pnyt.). hlm. 21-34. *Film Theory: Critical Concepts in Media and Cultural Studies*. Routledge: London.
- Siti Rugayah Hj. Tibek. (2000). Peranan drama dalam dakwah : kajian drama dakwah TV1 dan TV3. Tesis Kedoktoran. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya.
- Wood, M., & Brown, S. (2012). *Film-based creative arts enquiry: qualitative researchers as auteurs*. *Qualitative Research Journal*, 12(1): 130-147.
- Zulkiple Abd. Ghani. (2003). *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zulkiple Abd Ghani. (2012). Pengurusan Media dalam Masyarakat Islam. Dlm. Zulkiple Abd. Ghani, Roslizawati Mohd Ramly, Mohd Rushdan Mohd Jailany, Muhamad Yusuf Khalid (pnyt). *Kepimpinan dan Pengurusan: Dakwah, Media dan Ilmu*, hlm.119-132. Nilai: USIM.

Temubual Mendalam

- Aisyah Razi. (2014). Pengalaman kru drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Ampang. Temu bual, 10 Disember.
- Mardiana Alwi.(2014). Pengalaman Pelakon drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Temu bual melalui e-mel, 11 Disember.
- Mior Hashim Manap. (2014). Pengarah Drama Islamik. Kuala Lumpur. Temu bual, 1 Disember.
- Yu Chee Boon.(2014). Pengalaman kru drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Kuala Lumpur. Temu bual, 3 Disember.

Analisis Kandungan Drama

- Mior Hashim Manap. *Cinta dan Wahyu*. (2013). Drama bersiri. Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures Sdn Bhd
- Mior Hashim Manap. *Cinta Kun Fayakun*. (2013). Telefilem. Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures Sdn Bhd
- Mior Hashim Manap. *Warkah Cinta*. (2012). Drama bersiri. Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures Sdn Bhd